



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PENGAWAS TINGKAT I (D.4 EB.5)  
PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalender Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGAWAS TINGKAT I  
PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHVAL DALAM NEGERI  
D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Teknikal atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah (tidak mansuh).

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menerima dan memeriksa serta membuat laporan secara bertulis berhubung dengan aduan-aduan dari Penghulu Mukim / Ketua Kampung / orang awam bagi membaik pulih dan pembinaan baru jambatan dan jeti kawasan Kampong Ayer, dibawah kawalan Jabatan Daerah Brunei dan Muara seperti:-

- a) Membuat pemeriksaan bagi permohonan baru pembinaan jambatan dan jeti;
- b) Menerima aduan kerosakan jambatan dan jeti;
- c) Membuat pemeriksaan dan melaporkan kerosakan jambatan dan jeti pada Pengawas Tingkat Khas untuk dibaik pulih;



- d) Membuat jadual kepada pengawas untuk dibaik pulih jambatan dan jeti; dan
  - e) Membuat borang laporan kesiapan baik pulih jambatan dan jeti.
2. Memeriksa jumlah kayu-kayu yang datang dari pembekal dan membuat statistik pengeluaran kayu-kayu;
  3. Memantau dan melaporkan secara bertulis kepada pegawai atasan terhadap kesalahan-kesalahan berhubung dengan pembinaan jambatan dan jeti tanpa kebenaran seperti pembinaan tambahan jambatan atau jeti di kawasan Kampung Ayer kawalan Jabatan Daerah Brunei dan Muara;
  4. Memantau dan melaporkan secara bertulis berhubung kerosakan-kerosakan jambatan dan jeti dengan kerjasama Penghulu dan Ketua Kampung yang berkenaan di kawasan Kampung Ayer;
  5. Memantau pekerja bawahan serta bangunan Dewan Serbaguna di Kampong Ayer;
  6. Melaporkan secara bertulis kepada ketua unit jika terdapat kerosakan-kerosakan dalam dan luar bangunan dewan serbaguna;
  7. Memastikan kerja-kerja yang diarahkan oleh pegawai atasan siap pada masa yang ditetapkan;
  8. Menerima arahan dari pegawai atasan dari semasa ke semasa termasuk tugas-tugas yang melibatkan proses permohonan dan pemeriksaan rumah-rumah di Kampong Ayer; dan
  9. Terlibat dalam penyelarasan, mengambil tindakan dan melaksanakan tugas bagi kerja-kerja kelangkapan Sempena Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Bercemar Duli dan Beramah Mesra bersama Rakyat bagi Daerah Brunei dan Muara dan menerima arahan daripada Ketua Bahagian dari semasa kesemasa.